

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SAU204 - Masyarakat Tani

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kitaran pembangunan keluarga? Huraikan mengapa konsep ini penting untuk menganalisis tingkahlaku kaum tani.

(100 markah)

2. Bagaimanakah perubahan teknologi boleh mempercepatkan proses pembezaan kelas dalam masyarakat tani? Gunakan kesan pelaksanaan Revolusi Hijau sebagai contoh.

(100 markah)

3. Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan proses pembezaan kelas. Bagaimanakah proses ini mungkin dipengaruhi oleh kitaran pembangunan keluarga?

(100 markah)

...2/-

4. Sebahagian besar dari pengusaha-pengusaha ladang di negara-negara maju dan negara-negara mundur terdiri dari ladang-ladang keluarga. Apakah ini bermakna ladang keluarga itu dominan? Bincangkan jawaban anda dengan membandingkan pendekatan (i) Chayanov tentang ekonomi kaum tani dengan (ii) "pengeluaran komoditi kecil-kecilan" dan (iii) neo-Marxis yang menyatakan bahawa sektor pertanian dikuasai oleh pengusaha-pengusaha ladang dan syarikat-syarikat besar.

(100 markah)

5. Apakah punca kemiskinan masyarakat tani? Bagaimanakah kemiskinan di kalangan mereka mungkin di atasi? Bandingkan pendapat Ozay Mehmet, Sukor Kassim dan Syed Husin Ali.

(100 markah)

6. Pengusaha-pengusaha ladang keluarga dilihat sebagai buruh samaran ("disguised proletarians"). Sejauh manakah konsep ini dapat menggambarkan hubungan di antara peneroka-peneroka dengan Felda?

(100 markah)

- oo oOo oo -